



MEMO

MAHKAMAH MAJISTRET JASIN

Ruj.Kami:	Tarikh: 17 MAC 2020	
Tajuk	PENJADUALAN SEMULA KES SEBUTAN DAN BICARA	
Daripada	Unit Pentadbiran Mahkamah Majistret Jasin	Salinan: Fail
Kepada	Yang Berkenaan	

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 dan Akta Polis 1967 yang telah diumumkan melalui perutusan khas YAB Perdana Menteri Malaysia mengenai COVID-19 pada 16 Mac 2020 **semua kes di Mahkamah Majistret Jasin pada tarikh 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 dilapangkan dan dijadualkan semula** seperti berikut:

- 2.1 Kes Saman Jabatan JPJ, Trafik, Majlis Perbandaran Jasin, Pejabat Kesihatan dan lain-lain Jabatan) yang ditetapkan pada 18-03-2020 hingga 31-03-2020 dilapangkan dan dijadualkan semula ke **14-05-2020**.
- 2.2 Kes Sibil yang ditetapkan pada 18-03-2020 hingga 31-03-2020 dijadualkan semula ke **08-05-2020**.
- 2.3 Kes Jenayah yang ditetapkan pada
 - i) 18-03-2020 hingga 24-03-2020 dijadualkan semula ke **05-05-2020**
 - ii) 25-03-2020 hingga 31-03-2020 dijadualkan semula kepada **06-05-2020**
- 2.4 Bagi kes AADK, diminta berhubung terus dengan pegawai AADK Jasin.

Sekian, terima kasih.

Majistret
Mahkamah Majistret Jasin